

PHARMANIAGA PROMETHAZINE SYRUP

Promethazine Hydrochloride (5mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Promethazine Syrup
2. Bagaimana Pharmaniaga Promethazine Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Promethazine Syrup
4. Cara mengambil Pharmaniaga Promethazine Syrup
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Promethazine Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Promethazine Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Promethazine Syrup

Pharmaniaga Promethazine Syrup digunakan untuk:

- Melegakan gejala alahan, demam, alergi dan masalah kulit
- Mabuk perjalanan, rasa loya dan muntah berkaitan dengan mabuk hamil
- Merawat sakit selepas pembedahan
- Merawat alahan kepada ubat

Bagaimana Pharmaniaga Promethazine Syrup berfungsi

Promethazine adalah sejenis antihistamina yang tergolong dalam kumpulan phenothiazine. Ia berfungsi dengan menghalang histamina yang seterusnya mengurangkan simptom-simptom alahan dan mengurangkan masalah loya dan muntah.

Sebelum mengambil Pharmaniaga Promethazine Syrup

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Promethazine Syrup sekiranya anda:

- mengalami alahan kepada promethazine atau bahan-bahan dalam kandungan ubat ini

- mengalami masalah depresi sistem saraf pusat yang teruk atau dalam keadaan koma
- sedang atau pernah mengambil perencat monoamine oxidase (MAOIs) yang digunakan untuk masalah kemurungan dalam masa 2 minggu kebelakangan ini.

Promethazine syrup TIDAK BOLEH diberikan kepada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun. Kesan-kesan sampingan yang berpotensi membawa maut (seperti kesukaran atau pernafasan yang perlahan, mengantuk yang seterusnya boleh membawa kepada koma) boleh berlaku pada kanak-kanak dalam golongan umur ini sekiranya mengambil promethazine syrup.

Ambil dengan berhati-hati dan ikuti nasihat doktor dan ahli farmasi anda untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

-Sebelum mula mengambil

Sesetengah masalah kesihatan boleh bertindakbalas dengan Pharmaniaga Promethazine Syrup. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami sebarang masalah kesihatan, terutamanya sekiranya masalah dibawah ini terjadi pada anda:

- Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan risiko dan faedah yang terlibat.
- Anda sedang mengambil ubat-ubatan lain, produk sediaan herbal atau makanan kesihatan lain
- Sekiranya anda mengalami alahan kepada ubat-ubatan lain, makanan atau sebarang bahan-bahan lain

- Sekiranya anda ada sejarah masalah jantung, glaukoma (tekanan dalam mata meningkat), masalah hati, kelenjar prostat membengkak, sawan, asma bronkitis (inflamasi pada dinding laluan udara), bronkiektasis (pembesaran tetap pada bahagian salur pernafasan), penyakit koronari arteri yang teruk (penyakit jantung), epilepsi dan masalah buah pinggang.
- Sekiranya anda kerap mengambil minuman beralkohol

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan lain.

Sesetengah ubat boleh bertindak-balas dengan Pharmaniaga Promethazine Syrup. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengambil ubat-ubatan berikut terutamanya salah satu daripada yang berikut:

- Perencat sistem saraf pusat seperti alkohol, barbiturat, hipnotik, narkotik, analgesik, sedatif dan ubat penenang.
- Perencat monoamine oxidase (MAOIs) (seperti phenelzine)
- antikolinergik (ubat-ubatan untuk kekejangan perut atau abdomen) atau ubat-ubat lain dengan aktiviti antikolinergik (termasuklah maprotiline atau antidepressan trisiklik)
- ubat-ubatan yang mempunyai kesan pada pendengaran dan keseimbangan seperti aspirin
- agen antidiareea dan antiperistalsis
- hydroxyzine
- levodopa

PHARMANIAGA PROMETHAZINE SYRUP

Promethazine Hydrochloride (5mg/5ml)

- ubat-ubatan yang boleh menyebabkan mulut kering, yang seterusnya boleh mengurangkan keberkesanannya ubat-ubatan yang diambil secara sublingual seperti glycercyl trinitrate

Ini bukan senarai lengkap interaksi antara ubat yang mungkin berlaku. Bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda sama ada ubat yang anda ambil akan berinteraksi dengan promethazine syrup.

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda bermula, berhenti atau mengubah dos sebarang ubat yang anda ambil.

Cara menggunakan Pharmaniaga Promethazine Syrup

Ikat semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Arahannya tersebut mungkin berbeza daripada maklumat dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan atas label ubat, bertanya kepada doktor, ahli farmasi, atau jururawat anda untuk menerangkan arahan tersebut.

-Berapa banyak harus diambil

Guna alat pengukur ubat untuk memberikan dos ubat dengan tepat. Bertanya kepada ahli farmasi anda untuk membantu sekiranya anda tidak pasti cara untuk menyukat dos anda.

Kanak-kanak berumur 2-5 tahun:

Ambil 1 sudu teh penuh setiap 12 jam atau setiap 8 jam

Kanak-kanak berumur 6-12 tahun:

Ambil 1-2 sudu teh penuh setiap 12jam atau 8 jam

Kanak-kanak di bawah umur 2 tahun:

Tidak disarankan untuk diberi kepada kanak-kanak dalam kategori ini.

-Bila perlu digunakan

Ambil Pharmaniaga Promethazine Syrup melalui mulut. Ikut arahan label dengan teliti.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil ubat ini selama mana doktor anda mengarahkannya. Ubat ini biasanya diambil untuk jangkamasa yang singkat sahaja. Sekiranya simptom berlarutan, jumpa doktor anda dengan segera .

-Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat. Walaubagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuklah: mengantuk, hipotensi (tekanan darah rendah) ringan, dos yang lebih besar boleh menyebabkan hipotensi postural (penurunan tekanan darah disebabkan oleh perubahan dalam kedudukan badan), takikardia (peningkatan kadar denyutan jantung), mulut kering, retensi air kencing, loya, demam, otot kaku dan koma.

Semasa menggunakan
Pharmaniaga Promethazine Syrup

-Perkara yang perlu dilakukan
Ambil ubat anda seperti yang telah diberitahu oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Pharmaniaga Promethazine Syrup.

Beritahu dengan ahli farmasi atau doktor jika simptom anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan menilai keadaan anda dan akan memutuskan sama ada anda perlu meneruskan pengambilan ubat.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Pharmaniaga Promethazine Syrup untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan meminum arak/alkohol atau menggunakan ubat-ubatan yang boleh menyebabkan mengantuk (seperti pil tidur, pengendur otot) semasa anda mengambil Pharmaniaga Promethazine Syrup ia akan meningkatkan lagi kesan sampingan promethazine syrup. Bertanya kepada ahli farmasi anda sebarang ubat yang boleh menyebabkan anda mengantuk.

Jangan guna Pharmaniaga Promethazine Syrup jika anda hypersensitif kepada bisulfit.

PHARMANIAGA PROMETHAZINE SYRUP

Promethazine Hydrochloride (5mg/5ml)

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera berat sehingga anda mengetahui bagaimana kesan Pharmaniaga Promethazine Syrup terhadap anda.

Promethazine boleh menyebabkan mengantuk dan mengurangkan kesedaran mental anda. Sekiranya anda mengambil ubat-ubat ini, anda tidak sepatutnya mengendalikan kenderaan atau apa-apa pengangkutan lain atau jentera berat dimana kehilangan perhatian boleh menyebabkan kemalangan.

Kanak-kanak yang mengambil Promethazine perlu dikawal semasa melakukan aktiviti berbahaya seperti menunggang basikal. Ia tidak harus diambil oleh bayi pramatang atau baru lahir. Gunakan dengan berhati-hati pada kanak-kanak yang mempunyai sejarah apnea tidur (berhenti bernafas semasa tidur), mereka yang mempunyai sejarah keluarga SIDS (Sindrom Kematian Bayi Mengejut) dan kepada kanak-kanak yang tidak mudah terjaga dari tidur secara spontan.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda tidak berasa sihat semasa mengambil Pharmaniaga Promethazine Syrup. Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ianya berkemungkinan memberikan kesan sampingan pada sesetengah orang.

Semua ubat-ubatan akan menghasilkan kesan sampingan. Kadang-kadang kesan sampingan ini serius, kadang-kadang ianya tidak. Anda mungkin memerlukan pemerhatian perubatan sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Periksa dengan doktor anda sekiranya salah satu daripada kesan-kesan sampingan yang BIASA berlaku secara berterusan atau mengganggu anda:
pandangan kabur; pening;
mengantuk; mulut kering

Ini bukan senarai kesan-kesan sampingan yang lengkap. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan kesan-kesan sampingan, hubungilah doktor bagi mendapatkan nasihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my

(Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Promethazine Syrup

-Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan menyimpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Campuran jernih berwarna coklat muda dan berperisa prun.

-Bahan-bahan kandungan:

Bahan aktif:

Pharmaniaga Promethazine Syrup 5mg/5ml mengandungi (setiap 5ml) Promethazine Hydrochloride 5mg

Bahan-bahan tidak aktif:

Sodium Metabisulfite, Liquid Caramel, Purified Water, Sugar, Sodium Sulphate Anhydrous, Ascorbic Acid, Prune Extract, Benzoic Acid, Sodium Saccharin dan Xanthan Gum.

Nombor MAL:

MAL20000219AZ

Pengilang:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1,

Kawasan Perusahaan Bangi, 43650
Bandar Baru Bangi, Selangor
Darul Ehsan,
Malaysia.

PHARMANIAGA PROMETHAZINE SYRUP

Promethazine Hydrochloride (5mg/5ml)

Pemegang Pendaftaran:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad

(60016-D),

11A, Jalan P/1,

Kawasan Perusahaan Bangi, 43650

Bandar Baru Bangi, Selangor Darul

Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

26/10/2015

Nombor Siri:

BPK(R4/1)071015/00344